



JOHARI ABDUL GHANI mendengar penerangan daripada **Azmi Abdul Aziz** (kiri) semasa menaiki perkhidmatan LRT sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-20 LRT Laluan Ampang di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ZAKARIA IDRIS

Ahli Parlimen Pandan dakwa kos MRT lebih RM100 bilion

Johari tempelak Rafizi

Oleh **FITRI AFFENDI MUSTAFA**
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 DIS.

PERKIRAAN berhubung kos pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) yang dibuat Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli tidak tepat dan tidak sama dengan penjelasan yang diberikan kerajaan.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, kos sebanyak RM21 bilion adalah dari Sungai Buloh ke Kajang tetapi Rafizi hanya membuat perkiraan dari Sungai Buloh ke Semantan.

“Sebenarnya dia (Rafizi) tak reti kira. Perkiraananya tidak tepat,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sambutan 20 Tahun LRT Laluan Ampang di sini hari ini.

Sebelum ini, Rafizi tetap berte gas dengan dakwaannya bahawa kos pembinaan MRT melebihi RM100 bilion.

Sementara itu, Johari berka- ta, kerajaan mahu Kumpulan Prasarana bukan sahaja mam-



Kos sebanyak RM21 bilion adalah dari Sungai Buloh ke Kajang tetapi Rafizi hanya membuat perkiraan dari Sungai Buloh ke Semantan.”

JOHARI ABDUL GHANI
Menteri Kewangan II

pu menyediakan infrastruktur pengangkutan awam yang baik kepada rakyat, malah mening- katkan mutu perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Tambah beliau, hal demikian kerana sektor perkhidmatan se- perti pengangkutan awam telah menyumbang sebanyak 54 per-atus kepada Keluaran Dalam Ne- gara Kasar (KDNK) negara pada ketika ini.

“Oleh itu, Kumpulan Prasarana bina infrastruktur sahaja tidak cukup, tetapi pastikan servis kepada pelanggan sentiasa di-tingkatkan terutama dalam soal

keselamatan dan pengalaman pe- numpang.

“Perkara ini sangat penting kerana apabila kita dapat me- yakinkan orang ramai yang bukan pelanggan tetap (pengangkutan awam), mereka boleh menjadi pelanggan jika mutu perkhidma- tan baik,” jelasnya.

Beliau memberitahu, kerajaan akan berusaha menambah koc untuk sistem transit aliran ringan (LRT) bagi mengurangkan kesesa- kan penumpang, khususnya pada waktu puncak.

“Setiap hari, sebanyak 500,000 penumpang menggunakan per- khidmatan LRT dan ini tidak ter- masuk rangkaian hubungan lain seperti perkhidmatan bas, malah jumlah tersebut dijangka akan terus bertambah,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pega- wai Eksekutif Kumpulan Prasa- rana, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz berkata, MRT Sungai Buloh-Ka- jang telah mencatatkan jumlah penumpang sebanyak 60,000 orang sehari sejak dilancarkan pada 15 Disember lalu dan dija- ngka terus meningkat.